

SULIT



UTHM
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

**PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER II
SESI 2017/2018**

NAMA KURSUS : PSIKOLOGI PENDIDIKAN
KOD KURSUS : BBD 10202
KOD PROGRAM : BBA/BBB/BBD/BBE/BBF/BBG
TARIKH PEPERIKSAAN : JUN / JULAI 2018
JANGKA MASA : 2 JAM
ARAHAN : JAWAB SEMUA SOALAN.

TERBUKA

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI EMPAT (4) MUKA SURAT

SULIT

- S1**
- (a) Huraikan perbezaan pandangan psikologi pendidikan menurut tokoh William James (1842-1910) dan John Dewey (1859-1952).
(4 markah)
- (b) Rumuskan secara ringkas sejarah perkembangan ilmu psikologi berdasarkan tiga tokoh iaitu Leta Hollingworth (1916), George Sanchez (1932) dan Mamie & Kenneth Clark (1939).
(6 markah)
- (c) Pada pandangan anda sekiranya fitrah manusia tidak berubah, apakah sebenarnya yang kita mahu ubah dalam diri manusia?
(4 markah)
- (d) Jelaskan hubungkait berserta maksud bagi roh, nafsu dan akal seseorang manusia dan fitrahnya dalam kehidupan.
(6 markah)
- S2**
- (a) Huraikan dua (2) prinsip Teori Perkembangan Kendiri Eric Erikson.
(4 markah)
- (b) Bincangkan tiga (3) implikasi perkaitan antara kesan baka dan persekitaran dalam proses pendidikan dari segi emosi pelajar.
(6 markah)
- (c) Huraikan dua (2) elemen yang dititikberatkan dalam temperamen bagi perbezaan individu yang perlu dilihat oleh seorang guru terhadap pelajarnya.
(4 markah)
- (d) Huraikan perbezaan antara personaliti, watak dan trait bagi seseorang individu.
(6 markah)

TERBUKA

- S3** (a) Apakah rumusan pengertian konsep sendiri yang perlu difahami oleh setiap guru.
(2 markah)
- (b) Pada pandangan anda sebagai seorang guru, huraikan empat (4) ciri konsep sendiri negatif dan bagaimanakah cara untuk menangani konsep sendiri negatif tersebut?
(8 markah)
- (c) Manusia belajar melalui proses cuba jaya dan akhirnya manusia melakukan gerak balas secara sukarela atau tidak sengaja. Pernyataan ini adalah berdasarkan tokoh Edward L. Thorndike bagi teori pembelajaran behaviourisme (tingkahlaku). Nilaiikan secara terperinci tiga (3) hukum yang terlibat dalam teori tingkahlaku berdasarkan tokoh tersebut.
(6 markah)
- (d) Pada pandangan anda sebagai seorang guru, nilaiikan sumbangan teori pembelajaran behaviorism (tingkahlaku) dalam proses Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) sekiranya ianya diterapkan dalam bilik darjah.
(4 markah)
- S4** (a) Senaraikan lima (5) tahap hierarki keinginan mengikut turutan yang telah diperkenalkan oleh tokoh Abraham Maslow (1908-1970) dalam teori humanistik.
(5 markah)
- (b) Huraikan lima (5) objektif yang ditekankan dalam Teori Humanistik.
(5 markah)
- (c) Pada pandangan anda, nilaiikan perbezaan antara pemikiran konvergen dan divergen.
(10 markah)

TERBUKA

- S5** (a) Pengajaran guru menjurus kepada kaedah pembelajaran yang berpusatkan murid bersesuaian dengan keupayaan kognitif pelajar bagi meransang mereka untuk meningkat Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). Huraikan tiga (3) kaedah pembelajaran yang berpusatkan pelajar agar dapat meningkatkan KBAT dalam diri pelajar.

(6 markah)

- (b) Penglibatan aktif pelajar dalam kelas membolehkan berlakunya pembelajaran yang berkesan di mana para pelajar melibatkan diri dalam aktiviti pembelajaran secara aktif ke arah meningkatkan kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). Pada pandangan anda sebagai seorang guru, apakah kesan aktiviti pembelajaran secara aktif dalam pelajar?

(4 markah)

- (c) Pada pandangan anda sebagai seorang guru, apakah perbezaan proses pembelajaran bagi ingatan dan lupaun bagi seseorang pelajar?

(4 markah)

- (d) Pada pandangan anda sebagai seorang guru, huraikan tiga (3) gaya pembelajaran Dunn dan Dunn.

(6 markah)

- SOALAN TAMAT -

TERBUKA